



14 May 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed size: 327.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 10,870.00

Item ID: MY0036010036

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Agensi perlu sedia garis panduan pelaburan

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) perlu agresif menyediakan garis panduan pelaburan termasuk keluar masuk deposit, penjagaan aliran tunai dan kecairan tunai, bagi memperlihatkan ketelusan dan kesedian pengurusan baharu untuk dinilai presitasinya oleh orang ramai.

Profesor Adjung Fakulti Perakaunan dan Kewangan, Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dr Zaharuddin Abd Rahman, berkata TH juga perlu mempertimbangkan segera pemindahan pelaburan ekuiti ke pasaran negara maju, berbanding negara membangun serta memperkenaskan lagi organisasi pengurusannya.

Beliau berkata, keputusan pengurusan baharu TH mendedahkan laporan suku pertamanya sangat wajar dipuji, ia amalan korporat yang sihat dan melaluinya, mereka mampu mengenalpasti masalah lebih awal.

"Kedudukan aset TH yang kekal



Zaharuddin Abd Rahman



Aimi Zulhazmi Abdul Rashid

melebihi tanggungan (liabiliti) sepanjang suku tahun pertama dengan RM1.24 bilion lebihan aset berbanding liabiliti sesuatu yang positif.

Jangka wujud pengeluaran

"Jika ini berterusan, semua keuntungan TH mampu diaghikhan sebagai hibah berbanding 2018. TH sememangnya sudah menjangkakan akan wujud pengeluaran se-

lepas hibah rendah diumumkan, namun TH turut berjaya menarik pendeposit baharu yang di luar jangkaan mereka iaitu RM4.3 bilion termasuk 91,000 akaun yang baru dibuka.

"Ini menunjukkan maklum balas umum rata-ratanya masih positif terhadap proses dan hasil penstrukturran semula TH, malah bertambah yakin," katanya.

Zaharuddin yang juga Pengarah

Urusan Elzar Group of Companies berkata, pendapatan TH yang mencecah RM623 juta dengan keuntungan bersih sebanyak RM440 juta adalah sangat baik di dalam persekitaran ekonomi yang masih lembap.

Malah beliau berkata, jika digandakan kepada empat suku dengan andaian keuntungan sama pada setiap suku, ia bakal mencapai RM1.76 bilion.

Ia, katanya boleh menjadi saranan minimum TH, tetapi meninggalkan itu sahaja yang boleh dicapai oleh TH pada tahun ini adalah tidak tepat kerana masih terlalu awal.

"Orang ramai kini boleh terus menilai prestasi pada suku kedua, ketiga dan keempat TH. Dijangka pendapatan akan jadi lebih tinggi disebabkan RM800 juta dari hasil penstrukturran sukuk oleh Urus Harta Jemaah akan bermula pada suku kedua," katanya.

Zaharuddin yang juga Pengarah

nomi dan Pengarah Projek Khas Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Prof Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata sekiranya program penstrukturran semula TH itu terus berada di landasan yang tepat, kestabilan kewangan institusi itu akan terus kukuh hingga akhir 2019.

Dapatkan pulangan pelaburan

Namun, katanya bahagian pelaburan TH juga harus bekerja keras untuk mendapatkan pulangan pelaburan portfolio yang terbaik, sepadan dengan tahap risiko yang ditetapkan.

Beliau berkata, apabila hampir RM20 bilion aset pelaburan yang tidak sihat dialihkan kepada syarikat tujuan khas (SPV) di bawah Kementerian Kewangan, baki aset pelaburan yang dipegang oleh TH selama ini pasti berjaya memberikan perolehan purata peratusan pelaburan yang lebih tinggi, setelah ditolak aset yang tidak sihat.



14 May 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed size: 327.00cm²

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 10,870.00

Item ID: MY0036010036

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) perlu agresif menyediakan garis panduan pelaburan termasuk keluar masuk deposit, penjagaan aliran tunai dan kecairan tunai, bagi memperlihatkan ketelusan dan kesediaan pengurusan baharu untuk dinilai prestasinya oleh orang ramai. Profesor Adjung Fakulti Perakaunan dan Kewangan, Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dr Zaharuddin Abd Rahman, berkata TH juga perlu mempertimbangkan segera pemindahan pelaburan ekuiti ke pasaran negara maju, berbanding negara membangun serta memperkemaskan lagi organisasi pengurusannya.